

ORIGINAL ARTICLE

Kekerapan Penggunaan Istilah Berkaitan COVID-19 dalam Akhbar Arab: Kajian Korpus

Muhammad Hatta Shafri^{1*}, Hibriyatul Rifhan Abu Bakar², Fudzla Suraiyya Abd Raup¹, Mohd Akashah Mohamad Yusof¹

¹Akadem Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

²Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor, Malaysia

ABSTRAK – Penularan wabak COVID-19 yang melanda dunia telah meninggalkan dampak yang besar terhadap pelbagai aspek kehidupan manusia di seluruh dunia. Bidang kajian linguistik turut sama menerima kesan wabak ini berikutan daripada penghasilan istilah-istilah baru berkaitan COVID-19 terutamanya melalui kenyataan-kenyataan oleh pihak berwajib seluruh dunia. Walaupun kajian terhadap istilah COVID-19 telah banyak dijalankan ketika ini, namun kajian istilah COVID-19 bahasa Arab masih memerlukan penelitian. Kajian ini menggunakan analisis korpus sebagai metodologi kajian. Korpus Peristilahan Arab COVID-19 (KPAC19) dibina untuk melihat istilah berkaitan COVID-19 dan kekerapan penggunaan istilah dalam akhbar Arab. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti istilah bahasa Arab bagi COVID-19 dan kekerapan penggunaannya dalam akhbar Arab terpilih. Perbandingan juga dilakukan dengan melihat kekerapan istilah bahasa Arab dalam genre umum Korpus Peristilahan Arab COVID-19 (KPAC19) dan setiap genre yang dipilih iaitu politik, ekonomi dan kesihatan. Sepuluh istilah daripada kumpulan kata nama berkaitan COVID-19 dipilih daripada 300 kedudukan terawal dalam senarai kata (*wordlist*). Hasil kajian menunjukkan istilah **حالة** dan **حكومة**, **عالٰم**, **اقٰحات**, **تطعيٰم**, **صحٰة**, **كوفٰيد**, **نفٰح**, **كورونا** adalah 10 perkataan yang menduduki kedudukan sepuluh teratas. Kesemua istilah ini berada pada kedudukan berbeza mengikut genre yang dikaji. Bagi aspek kekerapan relatif pula, istilah-istilah dalam genre kesihatan dan politik mempunyai kekerapan relatif antara 0.02 hingga 0.57 peratus lebih tinggi, iaitu antara 2 hingga 57 bagi setiap 1000 perkataan, berbanding dengan genre umum. Namun, dalam genre ekonomi, hanya satu istilah, iaitu **عالٰم**, mempunyai kekerapan relatif yang lebih tinggi iaitu 0.28 peratus atau 28 bagi setiap 1000 perkataan berbanding dengan kekerapan relatifnya dalam genre umum iaitu 0.20 peratus atau 20 bagi setiap 1000 perkataan.

ARTICLE HISTORY

Received: 24 February 2023

Revised: 9 May 2023

Accepted: 23 May 2023

KEYWORDS

Analisis korpus
Bahasa Arab
COVID-19
KPAC19
Linguistik

Arabic
Corpus analysis
COVID-19
KPAC19
Linguistics

Frequency of COVID-19 Related Terms in Arabic Newspapers: A Corpus Study

ABSTRACT – The COVID-19 pandemic which affected the entire world has had a significant impact on various aspects of human life. The field of linguistics has also been affected by the pandemic due to the emergence of new terms related to COVID-19 particularly from statements made by authorities worldwide. Despite extensive research on the term COVID-19, further studies on this topic in Arabic language is necessary. This study employs corpus analysis as a methodological approach. The COVID-19 Arabic Terminology Corpus (KPAC19) was developed to analyse COVID-19 related terms and their frequency of usage in Arabic newspapers. Therefore, this study aims to identify Arabic terms for COVID-19 and their frequency of usage in selected Arabic newspapers. A comparative analysis was conducted to analyse the frequency of Arabic terms in the general genre of the COVID-19 Arabic Terminology Corpus (KPAC19) as well as in specific genres namely politics, economics, and health. Ten terms related to COVID-19 were selected from the top 300 rankings on the word list based on noun group. The findings of this study indicate that the top 10 terms are: **حالة** and **حكومة**, **عالٰم**, **اقٰحات**, **تطعيٰم**, **صحٰة**, **كوفٰيد**, **نفٰح**, **كورونا**. The ranking of these terms varies depending on the genre studied. In terms of relative frequency, the terms found in health and politics genres have a relative frequency ranging from 0.02% to 0.57%, or 2 to 57 for every 1000 words, when compared to the general genre. Nonetheless, it is noteworthy that within the economics genre, the term **عالٰم** demonstrates a higher relative frequency of 0.28% or equivalent to 28 for every 1000 words, in contrast to its relative frequency of 0.20%, or 20 for every 1000 words in general genre.

PENGENALAN

COVID-19 yang melanda dunia telah memberikan dampak yang besar terhadap pelbagai aspek kehidupan manusia, bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia. Ia telah mendarangkan kesan terhadap pelbagai bidang antaranya politik, ekonomi dan kesihatan. Bidang kajian linguistik tidak terlepas daripada turut sama menerima kesan wabak ini berikut daripada penghasilan istilah-istilah baru berkaitan COVID-19 (Abd Rahman et al., 2020; Kasdan et al., 2020; Mohamad, 2020).

Selain daripada wujud pelbagai istilah yang baru, proses penterjemahan istilah juga giat dijalankan berikutan istilah-istilah yang ada kebanyakannya adalah daripada bahasa Inggeris. Kewujudan istilah-istilah baru telah membuka ruang dan peluang kepada ramai pengkaji untuk mengkaji kesan istilah tersebut terhadap pelbagai bidang (Suliman et al., 2021). Oleh itu, ramai pengkaji mula menumpukan fokus untuk menjalankan kajian berkaitan istilah COVID-19.

Kajian peristilahan COVID-19 terutamanya dalam bahasa Arab mempunyai impak dan nilai tambah yang tersendiri terhadap perkembangan peristilahan tersebut dalam media-media massa kerana pelbagai bahasa termasuk bahasa Arab turut terkesan dengan kewujudan dan perkembangan wabak tersebut (Abd Rahman et al., 2020). Pemahaman terhadap penggunaan istilah COVID-19 dalam bahasa Arab, terutamanya yang digunakan dalam media massa seperti akhbar-akhbar Arab, amat penting dalam mengenal pasti konsep dan makna istilah yang berkaitan dengan COVID-19. Ia perlu dilakukan untuk memastikan bahawa penggunaan istilah tersebut merujuk kepada konsep dan makna yang sama dalam pelbagai akhbar Arab tersebut. Ini juga bertujuan untuk memberikan pemahaman yang jelas kepada pembaca dan mengelakkan kekeliruan yang mungkin timbul akibat perubahan dalam perkembangan pengistilahan COVID-19 dari semasa ke semasa. Fenomena ini juga memberi ruang untuk penjenamaan baru dan penciptaan istilah baharu yang memerlukan pembaca untuk memahami konteks makna istilah tersebut dengan lebih jelas (Saimon et al., 2021).

Walaupun kajian berkaitan istilah COVID-19 semakin mendapat tempat khususnya dalam kalangan pengkaji di Malaysia, namun kajian tentang korpus peristilahan bahasa Arab masih perlu diberi perhatian sewajarnya oleh para pengkaji. Justeru, pengkaji menjalankan kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti istilah bahasa Arab bagi COVID-19 dan kekerapan penggunaannya dalam akhbar Arab terpilih. Di samping itu, kajian ini turut membandingkan kekerapan istilah bahasa Arab bagi COVID-19 berdasarkan tiga genre yang dipilih iaitu politik, ekonomi dan kesihatan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kesan COVID-19 terhadap bahasa

Bahasa turut sama terkesan dengan pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Kenyataan-kenyataan pihak berwajib seluruh dunia sama ada melalui media mahupun akhbar arus perdana dalam pelbagai bahasa telah menyumbang kepada kewujudan istilah-istilah berkaitan COVID-19. Penyerapan istilah terutamanya daripada bahasa Inggeris, penggunaan singkatan, penggunaan pelbagai istilah untuk merujuk satu konsep yang sama merupakan antara fenomena bahasa yang berlaku sepanjang penularan wabak ini (Kasdan et al., 2020). Selain itu, COVID-19 telah menimbulkan kepelbagaian dan kekerapan penggunaan istilah khusus dalam masyarakat serta memberi kesan terhadap pengembangan istilah yang melahirkan variasi penggunaan istilah tersebut dalam bahasa yang sama (Abd Rahman et al., 2020). Walaupun Malaysia telah memasuki fasa peralihan ke endemik pada 1 April 2022, namun carian dalam laman *Google Scholar* berkaitan kajian istilah bahasa Arab bagi COVID-19 sekitar tahun 2020 hingga 2023 masih kurang ditemukan. Oleh yang demikian, kajian istilah bahasa Arab bagi COVID-19 wajar dilakukan untuk mendalami perihal berkaitan peristilahan COVID-19 dalam bahasa Arab.

Kajian berkaitan linguistik korpus Arab masih kurang

Pendekatan linguistik korpus ialah satu kaedah pengkajian bahasa yang melibatkan pengumpulan jumlah besar bahasa semula jadi dan menggunakan perisian khusus untuk memproses bahasa tersebut dengan tujuan mendapatkan maklumat tentang kekerapan, keselarian dan makna bahasa (Hunston, 2022). Linguistik korpus boleh dikatakan masih baru dalam kajian linguistik Arab. Menurut McEnery et al. (2019), carian frasa *arabic corpus* bagi kajian sekitar abad ke-20 dalam laman *Google Scholar* hanya menemukan 90 kajian sahaja, sebaliknya carian frasa *english corpus* pula menemukan hasil lebih 1940 kajian. Walaupun perbandingan ini dianggap tidak adil kerana tulisan Arab masih belum boleh digunakan dalam komputer ketika itu, namun carian yang sama dilakukan bagi kajian sekitar abad ke-21 mendapat nisbah yang serupa apabila cari frasa *english corpus* menemukan sebanyak 15600 kajian manakala cari frasa *arabic corpus* pula hanya menemukan kajian sebanyak 1800 sahaja. Bukan sekadar itu sahaja, carian frasa *chinese corpus* dan *french corpus* misalnya, masing-masing menemukan hasil kajian yang lebih banyak berbanding bahasa Arab iaitu sekitar 4150 dan 2320 kajian. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kajian linguistik Arab berdasarkan korpus masih belum meluas dalam kalangan pengkaji di Malaysia khususnya dan di seluruh dunia amnya.

TINJAUAN LITERATUR

Wabak COVID-19 yang melanda dunia sejak 2020 telah memberi impak terhadap pelbagai bidang, termasuk bidang linguistik. Di Malaysia, kemunculan wabak ini telah menyebabkan berlakunya pertambahan istilah dan perbendaharaan kata yang baru (Kasdan et al., 2020; Mazlan & Kasdan, 2021). Kebanyakan istilah baru yang digunakan; terutamanya berkaitan bidang kesihatan awam, berasal daripada bahasa Inggeris (Abd Rahman et al., 2020). Pada peringkat awal kemunculan COVID-19, terdapat istilah yang diserap terus daripada bahasa Inggeris untuk digunakan, namun ada juga

yang telah diterjemahkan secara literal ke dalam bahasa Melayu untuk membantu orang awam memahami maksud istilah tersebut. Ini menyebabkan istilah tersebut kedengaran janggal untuk digunakan dalam kalangan masyarakat (Kasdan et al., 2020; Tuan Ibharim, 2020). Selain itu, terdapat juga istilah sama yang digunakan dalam bidang yang berbeza tanpa mementingkan keseragaman makna. Hal ini kadangkala menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat (Kasdan et al., 2020; Mazlan & Kasdan, 2021; Suliman et al., 2021). Walau bagaimanapun, sejajar dengan perentasan masa, terdapat istilah-istilah baru yang telah dibentuk agar sesuai dengan aspek linguistik bahasa Melayu (Saupi et al., 2022). Oleh itu, kewujudan istilah-istilah baru ini harus dikaji dan didokumentasikan agar memberi manfaat kepada generasi akan datang (Khazizi & Nahar, 2021).

Kajian berkaitan terjemahan istilah COVID-19 ini telah dilakukan oleh Tuan Ibharim pada tahun 2020. Kajian ini bertunjangkan dua konsep utama iaitu “Prosedur Terjemahan Vinay & Dalbernet” (1958/1995) dan “Konsep Penerimaan Gambier” (2018). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kaedah terjemahan yang digunakan bagi menterjemah istilah berkaitan COVID-19 daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu serta penerimaan masyarakat Malaysia dalam laman sosial berkenaan istilah yang telah diterjemahkan. Kajian kualitatif ini telah memilih enam istilah popular daripada dua hantaran di laman Facebook DBP. Hasil kajian dan analisis data mendapati pihak DBP menggunakan prosedur terjemahan literal, pinjam terjemah dan modulasi dalam menterjemahkan enam istilah berkaitan COVID-19. Prosedur terjemahan literal merupakan prosedur tertinggi yang digunakan. Ini juga sejajar dengan dapatan kajian Saupi et al. (2022) yang menyatakan bahawa terjemahan adalah kaedah tertinggi yang digunakan untuk pembentukan istilah baru COVID-19. Selain itu, pengkaji juga mendapati terdapat pelbagai reaksi yang diterima daripada masyarakat dalam membahaskan pemilihan perkataan semasa menterjemahkan enam istilah tersebut, namun majoriti masyarakat memberikan komen positif dan menerima penterjemahan yang telah dilakukan.

Pada tahun 2020 juga, satu kajian tentang istilah bahasa Arab berkaitan COVID-19 telah dijalankan oleh Abd Rahman et al. Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat sama ada terdapat variasi istilah COVID-19 yang digunakan di dalam akhbar bahasa Arab. Pengkaji telah memilih tiga akhbar bahasa Arab iaitu *Al-Jazeera Arabic*, *Bernama Arabic* & *Al-Sharq Al-Awsat* untuk mendapatkan data. Pengkaji hanya mengkaji 10 istilah yang digunakan di dalam ketiga-tiga akhbar. Hasil kajian menunjukkan terdapat variasi dalam penggunaan istilah COVID-19 di dalam ketiga-tiga akhbar. Terdapat beberapa istilah berbeza yang digunakan merujuk kepada definisi dan makna yang sama.

Kajian korpus berkenaan istilah berkaitan COVID-19 telah dilakukan pada tahun 2020 oleh Kasdan et al. Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji istilah COVID-19 dalam korpus peristiwa bahasa Melayu. Objektif kajian adalah untuk menganalisis dan menghuraikan penciptaan istilah COVID-19 dari sudut sosio terminologi. Pengkaji telah memilih teks kenyataan akhbar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkaitan isu COVID-19 dan membandingkan istilah yang ada dengan korpus besar bahasa Melayu yang dihasilkan oleh DBP. Hasil kajian mendapati kebanyakan istilah COVID-19 telah dibakukan oleh DBP namun terdapat juga beberapa perkataan yang telah digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat namun masih belum tersenarai di dalam korpus. Pada akhir kajian, pengkaji menyenaraikan beberapa cadangan perkataan yang dirasakan penting untuk dibakukan dan disenaraikan di dalam korpus.

Kepelbagaian kajian tentang istilah COVID-19 membuka peluang kepada lebih ramai pengkaji untuk mengkaji kesannya terhadap bidang berbeza seperti bidang agama, kesihatan, pendidikan, bahasa dan lain-lain. Suliman et al. pada tahun 2021 telah menjalankan kajian tentang impak pandemik COVID-19 terhadap aspek bahasa, sastera dan budaya. Hasil kajian menunjukkan COVID-19 memberi impak kepada ketiga-tiga bidang bahasa, sastera dan budaya. Bagi bidang bahasa, telah wujud istilah baharu berkaitan COVID-19. Istilah-istilah ini terhasil melalui pelbagai prosedur, antara terjemahan literal, peminjaman dan pemajmukan (Abd Rahman et al., 2020; Khazizi & Nahar, 2021; Saupi et al., 2022; Tuan Ibharim, 2020). Manakala bagi bidang sastera pula, banyak aktiviti dan pertandingan berkaitan sastera kembali rancak semasa PKP. Dari sudut budaya pula, impak COVID-19 amat jelas apabila rakyat Malaysia terpaksa membiasakan diri dalam norma baru seperti memakai pelindung muka.

Penggunaan istilah bahasa Melayu berkaitan COVID-19 sekitar tahun 2020 lebih terfokus kepada istilah yang diserap terus dari bahasa Inggeris. Ini berikutan kemunculan virus ini pada awal 2020, dan majoriti istilah yang terbentuk pada waktu itu berasal dari bahasa Inggeris. Namun, kajian yang dijalankan pada tahun 2022 oleh Saupi et al. menunjukkan bahawa kebanyakan istilah-istilah ini telah diterjemahkan untuk membentuk istilah baru dalam bahasa Melayu. Kajian ini memilih istilah yang digunakan dalam hantaran di laman sosial DBP. Hasil analisis data menunjukkan kaedah terjemahan adalah kaedah tertinggi yang digunakan untuk pembentukan istilah baru, diikuti kaedah gabungan terjemahan dan penyerapan.

Berdasarkan tinjauan literatur yang telah dijalankan, kajian ini dilihat berbeza dengan kajian yang akan dilakukan. Kajian-kajian lepas telah memfokuskan kepada penterjemahan istilah berkaitan COVID-19 serta pembentukan istilah baru berkaitan COVID-19 di dalam bahasa Melayu. Namun, kajian yang akan dijalankan ini lebih terarah kepada kajian korpus istilah COVID-19 dalam bahasa Arab, berdasarkan 3 akhbar Arab yang telah dipilih iaitu *Al-Jazeera*, *Al-Aswaq* dan *Al-Ghad*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan analisis korpus sebagai metodologi kajian. Analisis korpus dilakukan terhadap data daripada istilah-istilah bahasa Arab berkaitan COVID-19 yang terkumpul dalam sumber akhbar Arab terpilih. Beberapa kaedah yang terdapat dalam korpus akan digunakan bagi menganalisis kajian ini. Kaedah kuantitatif digunakan untuk mengenal pasti istilah-istilah COVID-19 yang terdapat dalam akhbar bahasa Arab. Data yang diambil daripada akhbar Arab ini akan dikumpulkan mengikut genre yang dipilih. Kemudian senarai kata (*wordlist*) akan dijana untuk mengenal pasti istilah-

istilah COVID-19 dalam bahasa Arab dan kekerapan penggunaan istilah-istilah COVID-19 dalam bahasa Arab di dalam akhbar tersebut mengikut genre yang dipilih. Penjanaan senarai kata ini akan memperlihatkan 10 perkataan yang paling kerap digunakan di dalam korpus COVID-19. Oleh itu, istilah-istilah bahasa Arab bagi COVID-19 ini akan disemak dan akan disenarai pendek secara manual iaitu dengan meneliti istilah-istilah COVID-19 yang terdapat dalam senarai kata.

Data utama kajian ini diambil daripada akhbar Arab dalam talian iaitu akhbar *al-Jazeera*, *al-Aswaq* dan *al-Ghad*. *Al-Jazeera* secara rasmi dilancarkan di Qatar pada 1 November 1996, semasa pemerintahan Syeikh Emir Hamad bin Khalifa Al-Thani. Walaupun ibu pejabat *Al-Jazeera* terletak di Doha, Qatar, namun mereka beroperasi secara meluas kerana mempunyai koresponden yang tersebar di seluruh negara Arab. Ini membolehkan berita yang dihasilkan dapat mencapai semua orang di rantau tersebut dan tidak hanya terhad kepada satu negara (Ningtyas, 2019). *Al-Aswaq* pula merupakan portal berita dalam talian berbahasa Arab yang telah beroperasi di Kuala Lumpur sejak 2009. Ia menjadi saluran pertama yang menghasilkan majalah berita dalam bahasa Inggeris dan Arab di Malaysia. Selain itu, *Al-Aswaq* juga telah menggunakan kemajuan revolusi internet dengan melancarkan portal beritanya di www.aswaqpress.com untuk menjangkau khalayak global. Ini membolehkan Aswaq untuk menyampaikan berita dengan lebih efektif kepada audiens global (Ismail et al., 2021). Manakala akhbar *al-Ghad* ialah akhbar harian nasional berbahasa Arab yang bebas dan ditubuhkan pada 2003. Ia dikeluarkan dan diterbitkan di Jordan dan beribu pejabat di Amman (Mahroum & Alawneh, 2015). Akhbar *al-Jazeera* dan *al-Ghad* melaporkan berita pada peringkat antarabangsa manakala akhbar *al-Aswaq* pula pada peringkat nasional. Ketiga-tiga akhbar ini juga mudah diakses kerana berada dalam talian dan kebanyakan istilah-istilah COVID-19 bahasa Arab boleh dikesan penggunaannya daripada akhbar tersebut. Manakala teks dalam akhbar ini dipilih daripada genre kesihatan, ekonomi dan politik kerana genre-genre ini adalah yang paling dominan diterbitkan melibatkan isu COVID-19 dalam akhbar-akhbar bahasa Arab tersebut.

Data kajian ini diambil bermula dari Mac 2020 sehingga Mac 2021. Sebanyak 100 hingga 200 artikel telah dipilih bagi setiap genre. Keseluruhan bilangan artikel yang telah dipilih dari ketiga-tiga akhbar adalah 467 artikel, dan bilangan perkataan yang telah dijana daripada keseluruhan artikel adalah 215938 patah perkataan (token). Bilangan data yang dipilih daripada genre kesihatan adalah lebih tinggi berbanding genre ekonomi dan politik disebabkan fenomena COVID-19 lebih banyak diwacanakan dalam genre kesihatan. Perincian berkenaan perkataan yang telah dijana daripada setiap artikel dan genre dilampirkan dalam jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Perincian jumlah perkataan yang dijana daripada setiap artikel dan genre.

Genre	Bilangan patah perkataan (<i>tokens</i>) setiap akhbar			Jumlah patah perkataan (<i>tokens</i>)
	Al-Jazeera	Al-Aswaq	Al-Ghad	
Kesihatan	67907	20066	15384	103357
Politik	30415	6763	10224	47402
Ekonomi	17512	11253	36414	65179

Data Korpus KPAC19 ini mengandungi artikel-artikel daripada tiga akhbar bahasa Arab dan data dianalisis menggunakan perisian *antconc* versi 4.1.4. Perisian ini merupakan perisian percuma yang dicipta oleh Anthony Lawrence bagi tujuan menjana *konkordans* dan senarai kekerapan kata. Senarai kekerapan kata (*wordlist*) merupakan salah satu ciri-ciri yang terdapat dalam perisian ini. Senarai kekerapan kata (*wordlist*) boleh menghasilkan tiga output iaitu analisis statistik, senarai tata tingkat frekuensi dan senarai kata mengikut abjad (Bowler & Pearson, 2002). KPAC19 dibina melalui beberapa langkah yang dimulakan dengan pengumpulan artikel-artikel daripada akhbar Arab yang dipilih dalam talian. Kemudian data-data ini akan dipilih mengikut genre yang telah ditetapkan. Setiap data akan dikeluarkan dan dikategorikan mengikut genre. Semasa pemindahan data berlaku, beberapa langkah pembersihan data akan diambil kira terutama daripada aspek ejaan, susunan perkataan dari kanan ke kiri yang perlu berpandukan sumber data yang asal bagi memastikan data KPAC19 dapat dijana dengan baik. Pembinaan KPAC19 ini tidak melibatkan proses *tagging*.

Analisis kekerapan relatif dijalankan bagi membandingkan dua kekerapan kata yang berbeza dari segi saiz. Analisis ini membolehkan perbandingan kekerapan dilakukan dengan pengnormalan kekerapan (*frequency normalisation*) untuk mendapatkan kekerapan relatif mengikut saiz korpus. Kaedah ini boleh dilakukan dengan menukar kekerapan mentah kepada nilai peratusan atau perseribu patah perkataan. Proses pengnormalan sangat penting kerana sekiranya perbandingan menggunakan kekerapan mentah akan menghasilkan hasil dapatan yang kurang tepat.

Setiap data-data yang telah dibersihkan secara manual akan disimpan dalam bentuk fail .txt memandangkan perisian *Antconc* 4.1.4 hanya boleh membaca data-data yang disimpan di dalam fail .txt. Hal ini bagi memastikan data korpus boleh dijana menggunakan perisian tersebut. Senarai kekerapan kata (*wordlist*) akan dijana bagi melihat penggunaan perkataan yang terdapat di dalam KPAC19. Kemudian senarai kekerapan kata ini akan dilihat secara manual bagi mencari istilah-istilah bahasa Arab yang berkaitan dengan COVID-19 dan senarai kekerapan kata istilah Bahasa Arab bagi COVID-19 akan dibina secara manual berpandukan senarai kekerapan kata yang telah dijana menggunakan perisian *Antconc* versi 4.1.4 memandangkan senarai kekerapan kata ini akan menjana semua perkataan yang paling kerap digunakan di dalam KPAC19. Seterusnya, sepuluh istilah daripada genre kesihatan, politik dan ekonomi akan dijana dan dibandingkan dengan sepuluh istilah genre umum daripada senarai kekerapan kata KPAC19.

DAPATAN KAJIAN

Analisis kekerapan kata dan kekerapan relatif istilah COVID-19 genre umum dalam akhbar bahasa Arab:

Jadual 2 di bawah menunjukkan hasil analisis kekerapan kata bagi tiga akhbar Arab yang dipilih (*Al-Jazeera*, *Al-Aswaq* & *Al-Ghad*). Terdapat 215938 (*tokens*) jumlah perkataan dalam daftar kata KPAC19. Sepuluh istilah dipilih daripada 300 kedudukan terawal dalam senarai kata (*wordlist*). Semua istilah yang dipilih adalah daripada kumpulan kata nama yang berkaitan COVID-19.

Jadual 2: Senarai kekerapan kata istilah bahasa Arab KPAC19 bagi genre umum dalam akhbar Arab

Bil	Perkataan	Kekerapan	Kekerapan relatif	Bil	Perkataan	Kekerapan	Kekerapan relatif
1	فيروس	1910	0.88	6	تطعيم	545	0.25
2	كورونا	1771	0.82	7	لڤاچات	454	0.21
3	لڤاچ	1367	0.63	8	عالٰم	428	0.20
4	كوفيد	1044	0.48	9	حكومة	401	0.19
5	صحة	783	0.36	10	حالة	394	0.18

Empat perkataan telah mencapai kekerapan melebihi 1000 kali penggunaan dalam keseluruhan teks akhbar iaitu لڤاچ, كوفيد, فيروس, كورونا. Penggunaan istilah فيروس mencatat kekerapan tertinggi iaitu 1910 kali atau 0.88 peratus iaitu 88 bagi setiap 1000 patah perkataan, diikuti كورونا dengan kekerapan 1771 kali atau 0.82 peratus iaitu 82 bagi setiap 1000 patah perkataan, لڤاچ dengan kekerapan 1367 kali atau 0.63 peratus iaitu 63 bagi setiap 1000 patah perkataan dan كوفيد dengan kekerapan 1044 kali atau 0.48 peratus iaitu 48 bagi setiap 1000 patah perkataan. Selain itu, senarai kekerapan kata menunjukkan perkataan pada kedudukan lima hingga sepuluh telah mencatatkan kekerapan penggunaan antara 300 hingga 800 kali atau 0.36 hingga 0.18 peratus.

Perbandingan kekerapan kata dan kekerapan relatif istilah bahasa Arab bagi KPAC19 antara genre umum dan genre-genre terpilih:

Kesihatan:

Jadual 3: Senarai kekerapan kata istilah bahasa Arab KPAC19 bagi genre kesihatan.

Bil	Istilah	Kekerapan	Kekerapan Relatif	Bil	Istilah	Kekerapan	Kekerapan Relatif
1	لڤاچ	1155	1.12	6	لڤاچات	388	0.38
2	فيروس	1152	1.11	7	إصابة	331	0.32
3	كورونا	919	0.89	8	تطعيم	318	0.31
4	كوفيد	724	0.70	9	فایزر	232	0.22
5	صحة	391	0.38	10	حالة	218	0.21

Jadual 3 di atas menunjukkan sepuluh istilah yang paling kerap digunakan dalam konteks kesihatan daripada tiga akhbar Arab. Istilah-istilah dalam senarai ini dijana daripada 103357 (*tokens*) dalam KPAC19. Istilah لڤاچ dilihat sebagai istilah yang paling kerap digunakan dalam genre kesihatan, dengan kekerapan sebanyak 1155 kali atau 1.12 peratus iaitu 112 bagi setiap 1000 patah perkataan, diikuti dengan istilah فيروس dengan kekerapan sebanyak 1152 kali atau 1.11 peratus iaitu 111 bagi setiap 1000 patah perkataan dan كورونا dengan kekerapan sebanyak 919 kali atau 0.89 peratus iaitu 89 bagi setiap 1000 patah perkataan. Ketiga-tiga istilah ini dilihat menduduki kedudukan teratas dalam senarai kekerapan kata diikuti dengan kekerapan istilah كوفيد sebanyak 724 kali atau 0.70 peratus iaitu 70 bagi setiap 1000 patah perkataan, istilah صحة sebanyak 391 kali atau 0.38 peratus iaitu 38 bagi setiap 1000 patah perkataan, dan لڤاچات sebanyak 388 kali atau 0.38 peratus iaitu 38 bagi setiap 1000 patah perkataan. Manakala istilah إصابة kekerapannya sebanyak 331 kali penggunaan atau 0.32 peratus iaitu 32 bagi setiap 1000 patah perkataan, dan istilah تطعيم sebanyak 318 kali penggunaan atau 0.31 peratus iaitu 31 bagi setiap 1000 patah perkataan. Istilah فایزر pula digunakan sebanyak 232 kali atau 0.22 peratus iaitu 22 bagi setiap 1000 patah perkataan dan istilah حالة sebanyak 218 kali atau 0.21 peratus iaitu 21 bagi setiap 1000 patah perkataan. Kedua-dua istilah ini berada pada kedudukan dua terbawah dalam senarai kekerapan kata dan kekerapan relatif.

Jadual 4: Perbandingan sepuluh istilah KPAC19 antara genre umum dengan genre kesihatan

Istilah	Kedudukan dalam senarai kata genre umum	Kekerapan relatif	Kedudukan dalam senarai kata genre kesihatan	Kekerapan relatif
فیروس	1	0.88	2	1.11
كورونا	2	0.82	3	0.89
لناح	3	0.63	1	1.12
کوفید	4	0.48	4	0.70
صحة	5	0.36	5	0.38
تطعيم	6	0.25	8	0.31
لقاحات	7	0.21	6	0.38
عالم	8	0.20	Tiada	-
حكومة	9	0.19	Tiada	-
حالة	10	0.18	10	0.21

Jadual 4 di atas menunjukkan perbandingan sepuluh istilah dengan kekerapan kata tertinggi yang dihasilkan KPAC19 dalam genre umum dan genre kesihatan. Istilah dengan kekerapan tertinggi dalam senarai kekerapan kata KPAC19 bagi genre umum adalah perkataan فیروس dan istilah ini menduduki tempat kedua dalam genre kesihatan. Istilah ini mempunyai kekerapan relatif yang lebih tinggi dalam genre kesihatan iaitu 1.11 peratus atau 111 bagi setiap 1000 patah perkataan berbanding genre umum iaitu 0.88 atau 88 bagi setiap 1000 patah perkataan. Istilah kedua yang paling kerap digunakan dalam genre umum adalah perkataan كورونا وانا dan istilah ini berada pada kedudukan ketiga dalam genre kesihatan. Namun istilah ini juga mempunyai kekerapan relatif yang lebih tinggi dalam genre kesihatan iaitu 0.89 peratus atau 89 bagi setiap 1000 patah perkataan berbanding genre umum iaitu 0.82 atau 82 bagi setiap 1000 patah perkataan.

Seterusnya perbandingan juga boleh dilakukan menerusi istilah لناح yang menjana kekerapan paling tinggi di dalam genre kesihatan dengan kekerapan relatif sebanyak 1.12 peratus atau 112 bagi setiap 1000 patah perkataan. Namun dalam genre umum, istilah ini berada pada kedudukan ketiga paling kerap digunakan dengan kekerapan relatif 0.63 peratus atau 63 bagi setiap 1000 patah perkataan. Hal ini berlaku disebabkan kekerapan penggunaan لناح dalam genre kesihatan lebih tinggi berbanding genre politik dan ekonomi. Pengulangan istilah ini juga berlaku pada kedudukan ketujuh iaitu لقاحات yang membawa maksud yang sama, cuma perbezaan لقاوح dan لقاحات merujuk kepada vaksin dalam bilangan tunggal dan jamak. Istilah کوفید pula menduduki kedudukan yang sama pada kedua-dua genre umum dan genre kesihatan iaitu keempat paling tinggi dalam senarai kekerapan kata. Walaupun begitu, istilah ini mempunyai kekerapan relatif yang lebih tinggi dalam genre kesihatan iaitu 0.70 peratus atau 70 bagi setiap 1000 patah perkataan dalam genre kesihatan berbanding dalam genre umum sebanyak 0.48 atau 48 bagi setiap 1000 patah perkataan.

Istilah صحة berada pada kedudukan kelima tertinggi dalam genre umum dan genre kesihatan dengan jurang kekerapan relatif yang rendah iaitu 0.02 peratus sahaja. Istilah yang berada pada kedudukan keenam dalam genre umum adalah Istilah تطعيم dan istilah ini berada pada kedudukan kelapan pada genre kesihatan dengan jurang kekerapan relatif sebanyak 0.06 peratus. Ia diikuti dengan لقاحات berada pada kedudukan ketujuh dalam genre umum dan kedudukan keenam dalam genre kesihatan. Istilah حكومة dan عالم muncul dalam genre umum KPAC19 bagi kedudukan kelapan dan kesembilan namun tidak muncul dalam sepuluh perkataan paling kerap digunakan dalam genre kesihatan berikutnya kedua-dua istilah ini jarang digunakan dalam genre kesihatan. Perkataan حالة merupakan perkataan yang menduduki kedudukan kesepuluh dalam kedua-dua genre umum dan genre kesihatan dengan perbezaan kekerapan relatif yang rendah iaitu sebanyak 0.03 peratus. Walaupun perkataan حالة وانا mempunyai perbezaan kekerapan relatif yang rendah antara genre umum dan genre kesihatan, namun kekerapan relatif bagi perkataan-perkataan tersebut semuanya lebih tinggi dalam genre kesihatan berbanding dalam genre umum.

Berdasarkan perbandingan jadual di atas, dapat dilihat bahawa banyak istilah yang ada dalam senarai kekerapan kata genre umum turut ada dalam senarai kekerapan kata genre kesihatan. Ini jelaskan menunjukkan bahawa istilah yang berkaitan dengan kesihatan sering digunakan seiring dengan wabak COVID-19 yang berlaku. Namun, semua istilah dalam senarai kekerapan kata mempunyai kekerapan relatif yang lebih tinggi dalam genre kesihatan berbanding genre umum. Terdapat tiga perkataan yang tersenarai dalam genre kesihatan namun tidak tersenarai dalam sepuluh perkataan paling kerap digunakan dalam genre umum iaitu فیزیر، إصابة، كورونا وانا dan

Politik:**Jadual 5:** Senarai kekerapan kata istilah bahasa Arab KPAC19 bagi genre politik

Bil	Perkataan	Kekerapan	Kekerapan relatif	Bil	Perkataan	Kekerapan	Kekerapan relatif
1	كورونا	662	1.39	6	ترامب	163	0.34
2	فيروس	468	0.99	7	بلاد	144	0.30
3	رئيس	189	0.40	8	حكومة	131	0.28
4	صحة	174	0.37	9	وباء	130	0.27
5	اصابات	169	0.36	10	ولايات	129	0.27

Jadual 5 di atas menunjukkan dapatan senarai kekerapan istilah bahasa Arab untuk COVID-19 bagi genre politik yang diperolehi daripada 3 akhbar Arab iaitu *al-Jazeera*, *al-Ghad* dan *al-Awsat*. Jumlah keseluruhan *tokens* istilah COVID-19 bagi genre politik yang telah dijana daripada 3 akhbar tersebut adalah sebanyak 47402 *tokens*. Kekerapan tertinggi bagi keseluruhan istilah bahasa Arab COVID-19 untuk genre politik adalah perkataan كورونا iaitu sebanyak 662 kali dengan kekerapan relatif sebanyak 1.39 peratus atau 139 bagi setiap 1000 patah perkataan. Ia diikuti perkataan فيروس dengan 468 kali dengan kekerapan relatif 0.99 peratus atau 99 bagi setiap 1000 patah perkataan dan perkataan رئيس dengan 189 kali iaitu kekerapan relatif sebanyak 0.40 peratus atau 40 bagi setiap 1000 patah perkataan. Manakala perkataan صحة dengan kekerapan 174 kali iaitu dengan kekerapan relatif 0.37 peratus atau 37 bagi setiap 1000 patah perkataan dan perkataan اصابات dengan 169 kali dengan kekerapan relatif 0.36 peratus atau 36 bagi setiap 1000 patah perkataan. Kedua-dua perkataan ini berada pada kedudukan keempat dan kelima dalam genre politik. Seterusnya perkataan ترامب sebanyak 163 kali dengan kekerapan relatif 0.34 peratus atau 34 bagi setiap 1000 patah perkataan, perkataan بلاد 144 kali dengan kekerapan relatif 0.30 peratus atau 30 bagi setiap 1000 patah perkataan, masing-masing pada kedudukan keenam dan ketujuh. Kedudukan tiga terakhir daripada keseluruhan 10 istilah COVID-19 yang tertinggi kekerapan penggunaannya dalam tiga akhbar Arab bagi genre politik ialah perkataan حكومة dengan 131 kali dengan kekerapan relatif 0.28 peratus atau 28 bagi setiap 1000 patah perkataan, perkataan الوباء dengan 130 kali dengan kekerapan relatif 0.27 peratus iaitu 27 bagi setiap 1000 patah perkataan dan akhir sekali perkataan ولايات dengan 129 kali dengan kekerapan relatif 0.27 peratus atau 27 bagi setiap 1000 patah perkataan.

Jadual 6: Perbandingan sepuluh istilah KPAC19 antara genre umum dengan genre politik

Istilah	Kedudukan dalam senarai kata genre umum	Kekerapan relatif	Kedudukan dalam senarai kata genre politik	Kekerapan relatif
فيروس	1	0.88	2	0.99
كورونا	2	0.82	1	1.39
لماح	3	0.63	Tiada	-
كوفيد	4	0.48	Tiada	-
صحة	5	0.36	4	0.37
تطعيم	6	0.25	Tiada	-
لقاحات	7	0.21	Tiada	-
عالم	8	0.20	Tiada	-
حكومة	9	0.19	8	0.28
حالة	10	0.18	Tiada	-

Jadual 6 di atas menunjukkan perbandingan istilah dengan kekerapan tertinggi antara genre umum dengan genre politik bagi COVID-19 dalam KPAC19. Genre umum memperlihatkan perkataan فيروس berada pada kedudukan teratas. Walaupun perkataan ini berada pada kedudukan kedua dalam genre politik, namun ia mempunyai kekerapan relatif 0.10 peratus lebih tinggi iaitu 0.99 peratus atau 99 bagi setiap 1000 patah perkataan berbanding kekerapan relatifnya dalam genre umum hanya 0.88 peratus atau 88 bagi setiap 1000 perkataan. Hal ini berlaku sebaliknya bagi perkataan كورونا yang berada pada kedudukan kedua dalam genre umum dengan kekerapan relatif 0.82 peratus atau 82 bagi setiap 1000 perkataan dan berada pada kedudukan pertama dalam senarai kata genre politik dengan kekerapan relatif 1.39 peratus atau 139 bagi setiap 1000 perkataan. Seterusnya perkataan لماح berada pada kedudukan ketiga dan perkataan كوفيد pada kedudukan keempat dalam genre umum. Kedua-dua perkataan ini tidak tersenarai dalam senarai kata 10 teratas untuk istilah COVID-19 bagi genre politik.

Kedudukan kelima dalam genre umum pula merupakan perkataan **صحة** dengan kekerapan relatif 0.36 peratus atau 36 bagi setiap 1000 perkataan dan mempunyai kedudukan yang lebih tinggi dalam genre politik iaitu pada kedudukan keempat dengan kekerapan relatif 0.38 peratus atau 38 bagi setiap 1000 perkataan. Manakala istilah pada kedudukan keenam, ketujuh dan kelapan merupakan perkataan **لـفـاحـات**, **تـطـعـيمـ** dan **عـالـمـ** masing-masing juga tidak tersenarai dalam 10 senarai kata tertinggi pada genre politik. Seterusnya bagi perkataan **حـكـوـمـةـ**, ia berada pada kedudukan kesembilan dalam genre umum dengan kekerapan relatif 0.19 peratus atau 19 bagi setiap 1000 perkataan dan kelapan genre politik dengan kekerapan relatif 0.28 peratus atau 28 bagi setiap 1000 perkataan. Akhir sekali, perkataan **حـالـةـ** berada pada kedudukan kesepuluh dalam genre umum KPAC19 tetapi tidak tersenarai dalam kedudukan 10 teratas dalam senarai kata genre politik bagi istilah COVID-19.

Walaupun hanya empat perkataan genre umum yang tersenarai dalam genre politik, namun keempat-empat perkataan ini mempunyai kekerapan relatif yang lebih tinggi dalam genre politik berbanding kekerapan relatifnya dalam genre umum. Daripada empat perkataan tersebut, tiga perkataan iaitu **فيروس**, **كورونا** dan **صحة** mempunyai kedudukan empat teratas dalam kedua-dua genre umum dan politik. Enam perkataan dalam genre politik yang tidak berada dalam senarai 10 perkataan paling kerap digunakan dalam genre umum KPAC19 adalah **وبـاءـ**, **بـلـادـ**, **ترـامـبـ**, **إـصـابـاتـ**, **رـئـيـسـ** dan **شـرـكـاتـ**. Perkataan-perkataan ini mempunyai kekerapan relatif antara 0.27 peratus hingga 0.40 peratus atau 27 hingga 40 bagi setiap 1000 perkataan.

Ekonomi:

Jadual 7: Senarai kekerapan kata istilah bahasa Arab KPAC19 bagi genre ekonomi.

Bil	Perkataan	Kekerapan	Kekerapan Relatif	Bil	Perkataan	Kekerapan	Kekerapan Relatif
1	دولـارـ	488	0.75	6	نـسـبةـ	227	0.35
2	كورـونـاـ	344	0.53	7	اقـصـادـ	214	0.33
3	مـلـيـارـ	254	0.39	8	دـولـ	214	0.33
4	فيـروـسـ	236	0.36	9	عـالـمـ	180	0.28
5	شـرـكـاتـ	231	0.35	10	مـالـيـةـ	171	0.26

Jadual 7 di atas menunjukkan sepuluh senarai istilah bahasa Arab yang mempunyai penggunaan dengan kekerapan tertinggi dalam akhbar Arab bagi genre ekonomi. Daripada 65179 tokens jumlah perkataan yang terdapat dalam daftar kata KPAC19 bagi genre ekonomi, istilah **دولـارـ** mempunyai kekerapan tertinggi iaitu sebanyak 488 kali dengan kekerapan relatif sebanyak 0.75 peratus atau 75 bagi setiap 1000 perkataan. Ia diikuti istilah **كورونـاـ** yang masing-masing mempunyai kekerapan sebanyak 344, 254, dan 236 kali dengan kekerapan relatif masing-masing adalah 0.53, 0.39 dan 0.36 atau 53, 39 dan 36 bagi setiap 1000 perkataan. Kemudian diikuti dengan istilah **فيـروـسـ** dan **مـلـيـارـ** yang mempunyai kekerapan sebanyak 231 dan 227 kali dengan kekerapan relatif 0.48 dan 0.47 peratus atau 48 dan 47 bagi setiap 1000 perkataan. Istilah **اقـصـادـ** dan **دـولـ** pula mempunyai bilangan kekerapan yang sama iaitu sebanyak 214 kali dengan kekerapan relatifnya 0.33 peratus atau 33 bagi setiap 1000 perkataan. Manakala istilah **عـالـمـ** dan **مـالـيـةـ** berada pada kedudukan dua terbawah dengan kekerapan sebanyak 180 dan 171 kali dengan kekerapan relatif kedua-duanya 0.28 peratus dan 0.26 peratus atau 28 dan 26 bagi setiap 1000 perkataan.

Jadual 8: Perbandingan sepuluh istilah KPAC19 antara genre umum dengan genre politik

Istilah	Kedudukan dalam senarai kata KPAC19	Kekerapan	Kedudukan dalam senarai kata genre ekonomi	Kekerapan
فيـروـسـ	1	0.88	4	0.49
كورـونـاـ	2	0.82	2	0.72
لـفـاحـاتـ	3	0.63	Tiada	-
كـوفـيدـ	4	0.48	Tiada	-
صـحةـ	5	0.36	Tiada	-
تطـعـيمـ	6	0.25	Tiada	-
لـفـاحـاتـ	7	0.21	Tiada	-
عـالـمـ	8	0.20	9	0.37
حـكـوـمـةـ	9	0.19	Tiada	-
حـالـةـ	10	0.18	Tiada	-

Jadual 8 di atas pula menunjukkan perbandingan sepuluh istilah bahasa Arab yang mempunyai kekerapan tertinggi dalam genre umum dalam akhbar Arab berkaitan COVID-19 dengan genre ekonomi. Daripada sepuluh istilah yang mempunyai kekerapan tertinggi dalam genre ekonomi, hanya tiga sahaja yang tersenarai dalam sepuluh istilah dengan

kekerapan tertinggi dalam genre umum KPAC19, iaitu **عالٰم** **فِيْرُوْس** **كُورُوْنَا**, berada pada kedudukan pertama dalam senarai kekerapan kata genre umum dan pada kedudukan keempat dalam senarai genre ekonomi. Istilah **كُورُوْنَا** berada pada kedudukan kedua dalam genre umum dan mempunyai kedudukan yang sama dalam topik ekonomi. Istilah alam pula tidak mempunyai banyak perbezaan apabila menduduki tempat kelapan dan kesembilan dalam kedua-dua genre umum dan ekonomi.

Perkataan **فِيْرُوْس** bukan sahaja mempunyai perbezaan kedudukan yang ketara dalam genre umum dan ekonomi, bahkan kekerapan relatifnya dalam genre umum juga menunjukkan jurang sekali lebih separuh daripada nilai kekerapan relatifnya dalam genre ekonomi iaitu masing-masing 0.88 peratus dan 0.36 peratus atau 88 dan 36 bagi setiap 1000 perkataan. Walaupun perkataan **كُورُوْنَا** mempunyai kedudukan yang sama dalam genre umum dan genre ekonomi, namun kekerapan relatif dalam genre umum adalah lebih tinggi iaitu 0.82 peratus atau 82 bagi setiap 1000 perkataan berbanding kekerapan relatifnya dalam genre ekonomi sebanyak 0.53 peratus atau 53 bagi setiap 1000 perkataan. Selain itu, perkataan **عالٰم** turut menunjukkan penemuan yang berbeza berbanding dua perkataan sebelumnya. Walaupun perkataan ini mempunyai kedudukan yang lebih tinggi dalam genre umum, namun kekerapan relatifnya lebih rendah iaitu 0.20 peratus atau 20 bagi setiap 1000 perkataan jika dibandingkan dengan kekerapan relatifnya dalam genre ekonomi sebanyak 0.28 peratus atau 28 bagi setiap 1000 perkataan. Manakala tujuh perkataan lain yang terdapat dalam genre ekonomi tetapi tidak tersenarai dalam 10 perkataan paling kerap digunakan dalam genre umum adalah **دول**, **اقتصاد**, **نسبة**, **شركات**, **مليار**, **دولار** dan **مالية**.

PERBINCANGAN

Penelitian menunjukkan istilah **كُوفِيد** **كُورُوْنَا**, **فِيْرُوْس** **كُورُوْنَا** mempunyai hubung kait yang rapat antara satu dengan yang lain pada aspek pengistilahan COVID-19. Kekerapan penggunaan istilah **فِيْرُوْس** **كُورُوْنَا** lebih tinggi kerana ia sering digandingkan dengan istilah **كُوفِيد** **كُورُوْنَا**. Selain itu, data turut menunjukkan kekerapan penggunaan istilah **لَفَاح** **كُوفِيد** **كُورُوْنَا** kepada **كُوفِيد** **كُورُوْنَا**. Istilah **لَفَاح** juga mencatatkan kekerapan penggunaan melebihi 1000 kali kerana kepentingannya dalam mengekang dan menangani penularan wabak COVID-19.

Jika diteliti, istilah **لَفَاح** mempunyai kata dasar yang sama dengan istilah **لَفَاح** namun perbezaannya pada sudut bilangan iaitu **لَفَاح** menunjukkan makna tunggal dan **لَفَاحات** pula jamak. Sungguhpun begitu, penggunaan dalam bentuk tunggal lebih kerap digunakan berbanding jamak. Ini disebabkan kebanyakan istilah **لَفَاح** dalam akhbar digandingkan dengan jenama vaksin seperti *Pfizer*, *Astrazeneca*, *Sinovac* dan lain-lain. Oleh itu, istilah tunggal lebih kerap digunakan untuk merujuk kepada satu jenis vaksin secara khusus.

Penggunaan perkataan **لَفَاح** hakikatnya kurang diwacanakan pada peringkat awal pandemik. Ini kerana wacana akhbar lebih tertumpu kepada pendedahan dan kesedaran masyarakat dunia terhadap bahaya wabak COVID-19 yang melanda dunia. Namun, dalam genre kesihatan KPAC19 menunjukkan perkataan tersebut berada pada kedudukan pertama dalam senarai kekerapan kata kerana kekerapan penggunaannya mula meningkat apabila vaksin mula diperkenalkan dalam usaha menangani dan menyekat penularan wabak ini.

Kerencaman penggunaan istilah dapat dilihat bagi genre-genre yang dipilih. Contohnya, istilah **صَحَّة**, **تَطْبِيق** **لَفَاحات** dan **دُولَة** **كُوفِيد** **كُورُوْنَا** merujuk kepada genre kesihatan, manakala istilah **شَرْكَة**, **إِقْتَصَاد**, **شَرْكَة** **دُولَة**, **حُكْمَة** **رَئِيس**, **بِلَاد**, **حُكْمَة** **وَلَيَات** dan **رَئِيس** **بِلَاد** **حُكْمَة** **وَلَيَات**. Walau bagaimanapun, genre kesihatan mendominasi senarai sepuluh istilah utama KPAC19 disebabkan oleh skop kajian ini tertumpu kepada pandemik yang terkait dengan genre kesihatan.

Pada sudut perbandingan pula, kedua-dua istilah **فِيْرُوْس** **كُورُوْنَا** dan **كُورُوْنَا** berada pada kedudukan pertama dan kedua dalam genre umum dengan kekerapan penggunaan sebanyak 1910 dan 1771 kali dengan kekerapan relatif sebanyak 0.88 peratus atau 88 bagi setiap 1000 perkataan dan 0.82 peratus atau 82 bagi setiap 1000 perkataan. Manakala dalam setiap genre yang dikaji, kedua-duanya berada kedudukan yang berbeza. Bagi genre kesihatan, istilah **فِيْرُوْس** **كُورُوْنَا** berada pada kedudukan kedua dan istilah **كُورُوْنَا** pula berada pada kedudukan ketiga. Bagi genre politik dan ekonomi pula menyaksikan istilah **كُورُوْنَا** mendahului istilah **فِيْرُوْس** dalam kedua-dua genre tersebut. Meskipun istilah **فِيْرُوْس** menduduki tempat pertama dalam genre umum, kekerapan relatif paling tinggi ditunjukkan dalam genre kesihatan dengan 1.11 peratus atau 111 bagi setiap 1000 perkataan. Istilah **كُورُوْنَا** pula menunjukkan kekerapan relatif tertinggi dalam genre politik dengan 1.39 peratus atau 139 bagi setiap 1000 perkataan. Kekerapan yang tinggi dalam setiap genre yang dikaji membuktikan bahawa kedua-dua istilah ini merupakan perkara yang diperkatakan dan digunakan secara meluas dalam semua bidang.

Istilah-istilah **لَفَاحات**, **كُوفِيد**, **لَفَاح**, **صَحَّة**, **تَطْبِيق**, **حُكْمَة**, **وَلَيَات**, **رَئِيس**, **بِلَاد**, **شَرْكَة**, **إِقْتَصَاد** dan **شَرْكَة** dalam genre kesihatan ada dalam genre umum dan genre kesihatan dan berkait rapat dengan genre kesihatan. Hal ini jelas terbukti apabila kebanyakan daripada istilah-istilah tersebut tidak ada dalam senarai sepuluh istilah utama bagi genre politik dan ekonomi. Kekerapan relatif yang lebih tinggi bagi istilah **حُكْمَة** dalam genre politik dan istilah **عالٰم** dalam genre ekonomi iaitu masing-masing mencatatkan 0.28 peratus atau 28 bagi setiap 1000 perkataan berbanding genre umum hanya 0.19 peratus dan 0.20 peratus atau 19 dan 20 bagi setiap 1000 perkataan menunjukkan bahawa kedua-dua istilah ini amat signifikan dengan genre-genre tersebut.

Sepuluh istilah dalam genre ekonomi yang tersenarai dengan kekerapan tertinggi memberikan gambaran jelas tentang perkaitan pandemik COVID-19 yang melanda seantero dunia dengan ekonomi sejagat. Hal ini dapat dilihat apabila istilah berkaitan mata wang dan nombor seperti مiliar دلار dan مiliar دلار menduduki lima tangga teratas bersekali dengan istilah كورونا و فيروس dan عالم. Istilah seperti عالم and شركات اقتصاد مالية menunjukkan kesan pandemik ini terhadap ekonomi secara menyeluruh. Manakala istilah seperti عالم كورونا، فيروس and شركات اقتصاد مالية menunjukkan perihal ekonomi yang banyak diperkatakan sepanjang pandemik melanda dunia. Tiga istilah iaitu عالم كورونا، فيروس and شركات اقتصاد مالية dalam genre ekonomi yang berada pada senarai istilah dengan kekerapan tertinggi dalam genre umum menunjukkan perihal virus korona ini dibincangkan secara meluas dalam pelbagai bidang merentasi sempadan dunia.

Perbandingan genre umum dengan genre-genre terpilih seperti yang ditunjukkan dalam jadual 9 di bawah memaparkan kekerapan relatif dalam lingkungan 0.02 peratus hingga 0.57 peratus lebih tinggi iaitu kekerapan lebih 2 hingga 57 bagi setiap 1000 perkataan bagi istilah-istilah yang ada dalam genre kesihatan dan politik secara keseluruhannya berbanding genre umum. Sementara itu, daripada tiga istilah dalam genre ekonomi yang tersenarai dalam perbandingan dengan genre umum menyaksikan hanya istilah عالم sahaja yang mempunyai kekerapan relatif yang lebih tinggi iaitu 0.28 peratus atau 28 bagi setiap 1000 perkataan berbanding genre umum 0.20 peratus atau 20 bagi setiap 1000 perkataan.

Jadual 9: Perbandingan kekerapan relatif sepuluh istilah KPAC19 antara genre umum dengan genre-genre terpilih

Istilah	Kekerapan relatif genre umum (%)	Beza kekerapan relatif genre kesihatan (%)	Beza kekerapan relatif genre politik (%)	Beza kekerapan relatif genre ekonomi (%)
فيروس	0.88	+ 0.23	+ 0.11	- 0.52
كورونا	0.82	+ 0.07	+ 0.57	- 0.29
لناح	0.63	+ 0.49	-	-
كوفيد	0.48	+ 0.22	-	-
صحة	0.36	+ 0.02	+ 0.02	-
تطعيم	0.25	+ 0.06	-	-
لقاحات	0.21	+ 0.17	-	-
عالم	0.20	-	-	+ 0.09
حكومة	0.19	-	+ 0.09	-
حالة	0.18	+ 0.03	-	-

KESIMPULAN

Kertas kerja ini menunjukkan sepuluh istilah yang terdapat di dalam senarai kekerapan kata KPAC19 dan setiap genre yang terdapat di dalam KPAC19 iaitu genre kesihatan, politik dan ekonomi. Kajian ini juga dapat mengenal pasti kekerapan istilah COVID-19 yang terdapat di dalam akhbar bahasa Arab dan perbandingan juga dilakukan di antara korpus KPAC19 dan setiap genre yang terdapat di dalam KPAC19. Pengkaji juga berjaya menghasilkan senarai kekerapan kata di dalam KPAC19 dan setiap genre kesihatan, politik dan ekonomi. Hasil kajian menunjukkan istilah COVID-19 di dalam genre kesihatan paling kerap di dalam senarai kekerapan kata KPAC19 atas faktor pandemik COVID-19. Selain itu, perbandingan genre umum dengan genre-genre terpilih menunjukkan istilah-istilah yang ada dalam genre kesihatan dan politik secara keseluruhannya mempunyai kekerapan relatif yang lebih tinggi berbanding genre umum. Hanya satu istilah dalam genre ekonomi yang mempunyai kekerapan relatif yang lebih tinggi daripada genre umum. Pengkaji mencadangkan agar kajian korpus peristilahan COVID-19 bahasa Arab ini dapat dikembangkan dengan memilih bidang-bidang lain selain kesihatan, politik dan ekonomi. Disamping itu, para pengkaji juga boleh memilih korpus-korpus lain selain akhbar yang telah dipilih.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh Akademi Pengajian Bahasa (APB), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia melalui Geran Inisiatif APB (GIA). Para penulis mengucapkan terima kasih kepada semua individu dan pakar yang turut memberikan sumbangan dalam menyiapkan kajian ini.

RUJUKAN

- Abd Rahman, L., A Bakar, A., & Mansor, W. (2020). Variasi istilah berkaitan pandemik COVID-19 dalam akhbar berbahasa Arab. *E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020)*, 545-556. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/6851/1/VARIASI%20ISTILAH%20BERKAITAN%20PANDEMIK%20COVID-19%20DALAM%20AKHBAR%20BERBAHASA%20ARAB.pdf>
- Abdullah, I. H. (2009). Transformasi statistik senarai kekerapan kata dalam kajian berdasarkan Korpus: Manifesto pilihan raya 2008. *Jurnal Bahasa*, 9(2), 189-218. <https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8566/4072>

- Abu Bakar, H. B. (2014). *Variasi kata preposisi dalam teks sains bahasa arab: Analisis berpandukan korpus* [Unpublished master's thesis]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bowler, L. & Pearson, J. (2002). *Working With Specialized Language: A Practical Guide to Using Corpora*. Routledge.
- Hunston, S. (2022). *Corpora in Applied Linguistics* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Ismail, M. M., Harun, F. N., Mohammad, W. M., Muhammad Saad, N., & Ismail, S. (2021). Verbal processes in the COVID-19 news discourses: An analysis of 'aswaqpress.com' coverage on Malaysia. *AL-IRSYAD: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(2), 745-756. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i2.237>
- Kasdan, J., Baharudin, R., & Shamsuri, A. S. (2020). COVID-19 dalam korpus peristilahan Bahasa Melayu: Analisis Sosioterminologi. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(3), 221-241. <http://jurnalarticle.ukm.my/15730/1/40166-135064-1-PB.pdf>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2022). *Fasa peralihan ke endemik*. Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara. Kementerian Kesihatan Malaysia. (2022). *Fasa peralihan ke endemik*. Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara. <https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2022/04/fasa-peralihan-ke-endemik-01042022>
- Khazizi, N. A., & Nahar, N. (2021). Istilah COVID-19: Satu analisis teori pembentukan kata. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(1), 65-79.
- Mahroum, M., & Alawneh, H. S. (2015). A content analysis of news coverage of the Danish cartoons affairs in Al-Ghad Jordanian daily newspapers. *Al-Manarah*, 21(3), 379-392.
- Mazlan, N. A. Z & Kasdan, J. (2022). Pembentukan istilah COVID-19 di media sosial: Analisis Sosioterminologi. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(5), 1-15. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/446>
- McEnery, T., Hardie, A., & Younis, N. (Eds.). (2019). *Arabic Corpus Linguistics*. Edinburgh University Press. <http://www.jstor.org/stable/10.3366/j.ctvcwndq8>
- Mohamad, H. (2020). COVID-19: Istilah yang memenuhi syarat. *Majalah Dewan Bahasa*, 5, 8-10.
- Ningtyas, R.A. (2019). *Peranan Al Jazeera dalam pemutusan hubungan diplomatik Arab Saudi terhadap Qatar tahun 2017*. (Publication No. 31356) [Undergraduate thesis, UMY]. UMY Repository. <http://repository.umy.ac.id/handle/123456789/31356>
- Saimon, A., Abdul Latif, N. A., Abdul Rahim, N., Mohd Yusoff, A. I., & Mohammad, N. S. H. (2021). Tahap pemahaman pelajar terhadap istilah baharu COVID-19: Kajian terhadap universiti awam di Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, 33-48. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.4.2021>
- Saupi, N. D., Ahmad, A., & Ismail, N. (2022). Padanan istilah kesihatan awam berkaitan isu COVID-19. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 105-128. [http://doi.org/10.37052/jb22\(1\)no5](http://doi.org/10.37052/jb22(1)no5)
- Suliman, M. S., Hiroyuki, Y., Ab. Jabar, N., Xuan, L. Y., & Mat Daud, M. S. (2021). Impak pandemik COVID-19 terhadap bidang bahasa, sastera dan budaya di Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, 10-20. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.2.2021>
- Tuan Ibharim, M. Z. (2020). Terminologi COVID-19: Peristilahan dan penerimaan masyarakat di laman sosial. *e-Prosiding NARADATA 2020: Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya dalam Era Pandemik*, 58-66. https://www.academia.edu/45242689/Terminologi_COVID_19_Peristilahan_dan_Penerimaan_Masyarakat_di_Laman_Sosial_1